

# Menghidupkan emansipasi, iktiraf wanita dalam pentadbiran

- Kuasa wanita amat besar dalam urusan rumah tangga, namun pengaruh mereka sering tidak seimbang dengan peranan di ruang awam, sama ada dalam sektor kerajaan maupun swasta

- Walaupun sejak 1960-an terdapat masyarakat mengiktiraf peranan wanita dan memberi mereka kedudukan tinggi dalam pentadbiran, masih terdapat masyarakat ketinggalan mengangkat martabat wanita



Oleh Prof Datuk Dr Jayum Jawan  
bhrencana@bh.com.my

Felo Akademi  
Sains Malaysia

Pada awal 2024, Jabatan Perangkaan melaporkan jumlah penduduk Malaysia dianggarkan sekitar 31 juta orang, tidak termasuk kira-kira tiga juta warga asing.

Dari jumlah itu, kira-kira 53 peratus terdiri daripada lelaki dan 47 peratus adalah wanita. Angka dan peratusan ini tidak banyak berubah berbanding tahun-tahun sebelumnya.

Peranan wanita amat penting dalam institusi keluarga khususnya, serta dalam masyarakat secara amnya, termasuk dalam urusan pentadbiran negara serta sektor swasta.

Namun demikian, kepentingan ini jarang diterjemahkan atau dicerminkan secara menyeluruh dalam tindakan serta dasar pelbagai pihak di pelbagai peringkat, terutama dalam sektor pentadbiran.

Keadaan ini berlaku walaupun wujud peribahasa menyebut ‘tangan menghayun buaian mampu menggongang dunia’.

Di kebanyakan kawasan pilihan raya di Malaysia, sama ada pada peringkat negeri maupun Persekutuan, wanita adalah hampir separuh daripada jumlah pengundi berdaftar.

Oleh itu, mana-mana calon atau parti politik yang menang tidak seharusnya menafikan undi wanita memainkan peranan penting dalam menentukan kemenangan mereka, sama pada pilihan raya lalu atau akan datang.

Peribahasa masyarakat Dayak turut mencerminkan kedudukan wanita dalam politik dan pentadbiran iaitu ‘Di rumah seperti remaong (harimau/naga), di tanah seperti raong (katak)’.

Kuasa wanita amat besar dalam urusan rumah tangga, namun pengaruh mereka sering tidak seimbang dengan peranan di ruang awam, sama ada dalam sektor kerajaan maupun swasta.

Hal ini tidak mengejutkan kerana kebahagiaan dan kejayaan sesebuah keluarga sering dikaitkan dengan peranan ibu mendidik anak-anak dan mengurus rumah tangga, manakala suami lazimnya digambarkan sebagai pencari nafkah di luar rumah.

Mungkin ini berpunca daripada fahaman patriarki yang masih menebal, yang mana lelaki sering mengambil kredit atas kejayaan yang turut disumbangkan wanita.

## Wanita belum dapat pengiktirafan setara

Dalam budaya timur dan nusantara, wanita diajar untuk ‘memberi muka’ kepada suami atau ketua keluarga lelaki. Dalam politik dan pentadbiran Malaysia, wanita daripada pelbagai kaum masih belum mendapat pengiktirafan setara.

Walaupun sejak 1960-an terdapat masyarakat mengiktiraf peranan wanita dan memberi mereka kedudukan tinggi dalam pentadbiran, masih terdapat masyarakat ketinggalan mengangkat martabat wanita.

Ini mungkin disebabkan dominasi kaum lelaki dalam politik atau berpunca daripada tradisi patriarki yang sudah berakar umbi dalam budaya Asia dan nusantara.

Di Malaysia, layanan terhadap wanita dalam politik juga berbeza antara kaum dan parti. Pada peringkat nasional, UMNO dan MCA pernah mengangkat wanita ke kedudukan tertinggi dalam parti mereka.

Ramai generasi ‘*baby boomers*’ pasti mengenali nama tokoh wanita seperti Tun Fatimah Hashim, Tan Sri Aishah Ghani, Tan Sri Rafidah Aziz, dan Tan Sri Dr Shahrizat Abdul Jalil.

Fatimah adalah wanita Melayu pertama menjadi menteri penuh dalam Kabinet dan mencipta sejarah sebagai pasangan pertama bersama suaminya dilantik ke Kabinet pada era 1960-an, satu rekod belum dipecahkan sehingga kini.

Rafidah pula digelar sebagai ‘Wanita Besi Malaysia’ kerana ketegasan dan keberkesanannya, disamakan dengan bekas Perdana Menteri Britain, Margaret Thatcher.

Sejak itu, UMNO sentiasa mempunyai wakil wanita dalam Kabinet termasuk dalam Kabinet MADANI melalui Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said yang juga Ketua Penerangan UMNO.

MCA juga mengangkat martabat wanita melalui pelantikan Tan Sri Ng Yen Yen sebagai menteri penuh. Namun begitu, selepas beliau, semua Ketua Wanita MCA hanya dilantik sebagai timbalan menteri.

Hal sama tidak berlaku kepada masyarakat India melalui MIC, kerana tiada pemimpin wanita MIC pernah dilantik sebagai menteri penuh Persekutuan.

DAP juga memberikan ruang kepada wakil wanita seperti Teresa Kok sebagai menteri penuh ketua pentadbiran bekas Perdana Menteri, Tun Mahathir Mohamad pada 2018 dan Hannah Yeoh selepas Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15).

PKR kini mempunyai dua menteri wanita dalam Kabinet iaitu Ketua Wanita, Fadhlina Sidek sebagai Menteri Pendidikan dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa.

Sementara itu, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy

Shukri dari Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) adalah ahli politik mewakili kaum Bumiputra Sarawak.

## Lima menteri wanita dalam Kabinet

Secara keseluruhan, Kabinet hari ini mempunyai lima menteri wanita masing-masing satu dari DAP, UMNO dan PBB, manakala PKR mempunyai dua menteri wanita.

Parti lain seperti Parti Demokratik Progressive, Parti Rakyat Sarawak (PRS), Parti Amanah Negara (AMANAH) dan Gabungan Rakyat Sabah (GRS) masih tiada wakil wanita dalam Kabinet.

Sementara itu, di Sarawak, satu-satunya parti dalam Gabungan Parti Sarawak (GPS) yang mempunyai wakil wanita dalam Kabinet negeri ialah Ketua Wanita PBB, Datuk Seri Fatimah Abdullah.

Dari pada 82 Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sarawak, hanya lima adalah wanita, empat dari PBB dan seorang dari DAP.

Pada peringkat Parlimen Persekutuan pula, terdapat enam Ahli Parlimen wanita dari Sarawak, masing-masing seorang Cina dari DAP, empat Melayu/Melanau Islam (PBB) dan seorang Iban (PRS).

Sejak penubuhan Malaysia pada 1963, satu-satunya wakil wanita Dayak menang dalam pilihan raya ialah ialah Datuk Seri Doris Sophia Brodie dari PRS pada PRU15 bagi Parlimen Sri Aman.

Beliau mempunyai pengalaman luas termasuk dua penggal sebagai Senator dan memegang jawatan Timbalan Yang Dipertua Dewan Negara.

Di Sarawak, masyarakat Melayu dan Melanau lebih maju dari segi pengiktirafan terhadap wanita mereka, walaupun jumlahnya masih kecil.

Namun ini lebih baik berbanding masyarakat Dayak sama ada Iban, Bidayuh atau Orang Ulu yang masih belum pernah menyaksikan wakil wanita mereka dilantik sebagai menteri penuh pada peringkat negeri atau Persekutuan.

Melihat kepada pelbagai etnik di Malaysia dan Sarawak, banyak yang boleh dipelajari daripada UMNO dan PKR pada peringkat Persekutuan, serta PBB dalam konteks Sarawak dalam aspek pelantikan wanita ke jawatan kritis dalam kerajaan.

